



PENDUDUK menunjukkan sistem perparitan yang tidak sempurna.

Melaka: Penduduk Kampung Solok Setulang Daing, Bukit Rambai, di sini, mendakwa kehidupan harian mereka terganggu dengan masalah longkang tersumbat yang tidak diselenggara dengan sempurna sejak beberapa tahun lalu.

Mereka mendakwa, pengaliran air longkang itu terhalang sekali gus mendedahkan pelbagai masalah seperti bau busuk dan pembiakan nyamuk di kampung itu.

Tinjauan Metroplus mendapati, longkang itu dipenuhi sampah-sarap yang

menghalang kelancaran air longkang selain bau busuk.

Penduduk Talib Abdul Rahman, 51, mendakwa memang ada pihak yang datang membersihkan longkang sebulan sekali, namun ia seperti melepaskan batuk di tangga.

“Mereka hanya mengemas dengan mengorek longkang di beberapa bahagian saja dan meletakkan sampah yang dibersihkan itu di tebing longkang. Selepas beberapa hari, longkang kotor kembali apabila sampah terbabit jatuh semula ke da-

lam longkang apabila hari hujan.

“Saya beberapa kali membuat aduan kepada pihak berkenaan dan minta mereka mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini”katanya.

Seorang lagi penduduk Faizal Ramli, 27, berkata, longkang itu bukan saja menjadi tempat pembiakan nyamuk, malah pencemaran bau.

“Sudahlah nyamuk banyak, bau longkang ini pun busuk terutama selepas hujan sehingga mengganggu kehidupan penduduk.